

26/06/2000

Maklumat Aids dalam laman web Octopus Online

Hardi Effendi Yaacob

KEMUDAHAN laman web yang terdapat dalam perkhidmatan Internet semakin popular di kalangan orang ramai, terutamanya golongan muda seperti kanak-kanak dan remaja kebelakangan ini.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata sebahagian besarnya menjadikan laman web sebagai satu medium, sama ada untuk menyebarkan mahupun mendapatkan maklumat mengenai pelbagai perkara.

Menurutnya, ia tidak hanya bertumpu kepada bidang hiburan, malah pendidikan, kewangan, ekonomi, perdagangan dan sebagainya.

Katanya lagi, golongan muda sememangnya berhak mendapat maklumat yang diperlukan, namun ada ketikanya orang dewasa mewujudkan pelbagai halangan terhadap mereka.

"Mereka dilarang bertanyakan soalan tertentu kerana orang dewasa segan untuk menjawabnya.

"Oleh itu, biar mereka mencari jawapan bagi soalan itu dengan menggunakan pelbagai sumber tertentu termasuk laman web.

"Bagaimanapun, mereka perlu tahu mencari jawapan yang benar, sah dan boleh dipercayai, manakala orang dewasa pula perlu menyediakan sumber rujukan tertentu," katanya ketika berucap merasmikan laman web Octopus Online (bahasa Melayu) di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Korporat & Hal Ehwal Kerajaan HVD Entertainment, Datuk Mohamad Salleh Pateh Akhir; Presiden Persatuan Penggerak Dan Kebudayaan Nasional (Pembina), Datuk Zulkifli Ahmad; Naib Presiden MAM, Datuk Dr Low Bin Tick; Pengarah Artis Dan Pengurusan Acara Cosmos Discovery, Veronica Ong dan Pengurus Octopus Online (bahasa Melayu), Mohd Jamil Zulkifli.

Kata Marina, laman web sememang digemari kanak-kanak dan remaja memandangkan ia adalah teknologi era mereka.

Sehubungan itu, adalah penting bagi pemilik atau pengendali sesebuah laman web untuk menyediakan maklumat positif yang boleh mendatangkan banyak faedah kepada mereka.

"Saya menyambut baik usaha Cosmos Discovery yang mahu bekerjasama dengan kami untuk menyiarkan pelbagai maklumat mengenai virus HIV, begitu juga Aids dalam Octopus Online.

"Ia cara terbaik untuk memberikan kesedaran, selain pendidikan mengenai HIV dan Aids di kalangan remaja sekali gus membolehkan mereka berhibur sambil belajar menerusi Octopus Online.

"Saya difahamkan, maklumat mengenai HIV dan Aids hanya disiarkan menerusi Octopus Online (bahasa Melayu) dan menjadi harapan kami di MAM agar ia diperluaskan ke bahasa Inggeris serta bahasa Cina pula.

Octopus Online mula beroperasi pada 26 Februari 1999 dengan menggunakan laman web www.octopus.com.my yang dikendalikan Cosmos Discovery, salah sebuah syarikat bersekutu HVD Entertainment.

Selain bahasa Melayu, Octopus Online yang turut beroperasi dalam bahasa Inggeris dan Cina mempunyai purata 25 juta pengunjung sejak setahun lalu, sekali gus menjadikannya laman web hiburan tempatan terlaris ketika ini.

Dengan bertemakan Bukan Sekadar Hiburan atau More Than Entertainment Octopus Online lebih berbentuk laman web hiburan bermaklumat.

Bahan kandungannya bukan saja bertumpu kepada industri hiburan, terutamanya muzik dan filem, sama ada tempatan mahupun antarabangsa, malah pelbagai kegiatan sosial serta kemasyarakatan.

(END)